

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**WEBINAR KEPIMPINAN KOPERASI SIRI
1/2026**

**“KEPIMPINAN BERETIKA DALAM ERA
KECERDASAN BUATAN (AI)”**

11 FEBRUARI 2026 (RABU)

9.40 PAGI

APLIKASI ZOOM

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi.

(SALUTASI)

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam Webinar Kepimpinan Koperasi Siri 1/2026 yang bertemakan “Kepimpinan Beretika dalam Era Kecerdasan Buatan (AI)”.
2. Terlebih dahulu saya rasa sangat berbesar hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pusat Kecemerlangan ANGKASA, Kumpulan Hubungan Strategik atas jemputan untuk merasmikan webinar ini.

Saudara dan Saudari yang dihormati,

3. Webinar pada hari ini membawa satu tema yang amat penting dan relevan dalam landskap gerakan koperasi masa kini, iaitu “Kepimpinan

Beretika dalam Era Kecerdasan Buatan (AI)". Kepimpinan beretika bukan sekadar satu pendekatan pengurusan, tetapi merupakan tunjang utama dalam memastikan setiap keputusan yang dibuat sentiasa berpaksikan nilai integriti, ketelusan dan tanggungjawab terhadap anggota.

4. Dalam era AI yang semakin mempengaruhi cara koperasi beroperasi dan membuat keputusan, nilai-nilai koperasi seperti kepercayaan, keadilan dan kesejahteraan bersama perlu terus menjadi panduan agar teknologi dimanfaatkan demi memperkukuh organisasi serta memberi manfaat berpanjangan kepada anggota dan komuniti.

5. Perkembangan teknologi hari ini berlaku dalam kadar yang amat pantas. Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) telah mengubah landskap pengurusan

organisasi, cara keputusan dibuat serta bagaimana perkhidmatan disampaikan kepada anggota dan masyarakat. Dalam konteks gerakan koperasi perkembangan ini membuka ruang baharu untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan daya saing.

6. Penggunaan kecerdasan buatan sebenarnya telah bermula sejak beberapa dekad lalu, namun penggunaan secara meluas dalam kalangan masyarakat dan organisasi berlaku dengan sangat pesat sekitar awal tahun 2020-an khususnya selepas kemunculan aplikasi generatif seperti ChatGPT pada tahun 2022 yang mencatat pertumbuhan pengguna paling pantas dalam sejarah aplikasi digital.
7. Sejak itu AI tetapi telah menjadi sebahagian daripada operasi harian organisasi termasuk dalam pengurusan data, khidmat pelanggan, analisis

keputusan serta pembangunan strategi organisasi.

8. Namun demikian dalam kita memanfaatkan teknologi ini, kepemimpinan koperasi perlu sentiasa berhati-hati dan cakna terhadap risiko yang wujud. Antara cabaran utama termasuk isu ketepatan maklumat, bias dalam data, keselamatan serta privasi maklumat, penyalahgunaan teknologi dan risiko penyebaran maklumat palsu yang boleh menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi.
9. Justeru penggunaan AI perlu sentiasa dipandu oleh nilai etika, pemantauan manusia serta prinsip ketelusan agar teknologi ini benar-benar menjadi alat memperkukuh organisasi, bukan menjejaskan integriti dan kesejahteraan anggota.
10. Gerakan koperasi sejak penubuhannya berpegang kepada prinsip-prinsip yang menjunjung kesejahteraan anggota, keadilan

ekonomi dan semangat kebersamaan. Nilai-nilai inilah yang perlu terus menjadi panduan dalam meneroka penggunaan AI agar teknologi dimanfaatkan untuk memperkuat manusia, bukan menggantikannya secara membuta tuli.

Saudara dan Saudari yang dihormati,

11. Kepimpinan beretika dalam era AI memerlukan keseimbangan antara inovasi dan integriti. Pemimpin koperasi perlu berani meneroka teknologi baharu, namun dalam masa yang sama bijak menilai risiko, memastikan pematuhan undang-undang, serta memelihara kepentingan anggota. Setiap keputusan yang dibuat mestilah berpaksikan prinsip akauntabiliti dan ketelusan.
12. Saya yakin webinar ini akan menjadi platform penting untuk meningkatkan kefahaman para pemimpin koperasi mengenai peranan

AI dalam pengurusan moden di samping memperkukuh kesedaran tentang tanggungjawab etika yang perlu dipikul. Perkongsian ilmu dan pengalaman oleh panel yang berwibawa pastinya dapat membantu kita semua membentuk pendekatan kepimpinan yang lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

13. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada pihak penganjur atas inisiatif menganjurkan program yang amat bertepatan dengan keperluan semasa ini. Semoga usaha ini memberi manfaat besar kepada pembangunan gerakan koperasi negara.

14. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahhirahmanirahim saya merasmikan Webinar Kepimpinan Koperasi Siri 1/2026 : Kepimpinan Beretika dalam Era Kecerdasan Buatan (AI)".

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.